

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK Pelanggan yang dihormati, Lembaran Pendedahan Produk ini bertujuan untuk memberi maklumat penting kepada pelanggan mengenai Pembiayaan Ekosistem Payung. Pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; oleh itu, anda juga disarankan untuk membacanya.	 Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (49572-H) Tarikh:
---	---

1 APAKAH PEMBIAYAAN EKOSISTEM PAYUNG?

Ekosistem Payung ialah kemudahan pembiayaan untuk Bumiputera di bawah Program Pembiayaan Payung untuk memulakan perniagaan baharu atau memperluaskan perniagaan sedia ada.

Program ini dikira berdasarkan kadar keuntungan tetap. Sebarang perubahan ke atas Kadar Pembiayaan Asas (KPA) tidak akan menjejaskan kadar keuntungan tetap yang telah dipersetujui.

Konsep Syariah yang digunakan

Komoditi Murabahah melalui Tawarruq Komoditi Murabahah adalah kos-tambah-keuntungan yang terdiri daripada dua kontrak jualan dan belian. Yang pertama melibatkan penjualan komoditi tertentu oleh Bank kepada Pelanggan secara tertanggung pada harga kos-tambah-keuntungan dalam tempoh masa yang dipersetujui. Seterusnya, Pelanggan akan menjual komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan langsung. Wakalah Wakalah merujuk kepada kontrak di mana Pelanggan, sebagai prinsipal (Muwakkil) memberi kuasa kepada Bank sebagai agen (Wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa dikenakan bayaran. Produk berkenaan: Pembiayaan Komoditi Murabahah Berjangka-i (CMTF-i).	Ijarah Thummal Bai' (ITB) ITB adalah kontrak sewaan (Ijarah) yang diikuti dengan jual beli dengan cara perlakuan (Bai' Mu'atah). Di bawah kontrak sewaan, pelanggan menyewa aset dari Bank dengan bayaran sewaan yang dipersetujui dalam tempoh tertentu. Apabila tamat tempoh sewaan, Bank akan menjual aset sewaan kepada pelanggan yang dilaksanakan dengan cara perlakuan (Mu'atah) pada harga yang dipersetujui. Produk yang berkenaan: Pembiayaan Ijarah Thummal Bai' (ITB)
--	---

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

ILUSTRASI

<table border="1" data-bbox="113 1294 783 1704"> <thead> <tr> <th>Pembiayaan Berjangka</th><th>CMTF-i / Pembiayaan ITB</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jumlah/ Had Pembiayaan</td><td>RM1,000,000.00</td></tr> <tr> <td>Bayaran Bulanan/ Sewaan</td><td>RM18,416.52</td></tr> <tr> <td>Tempoh</td><td>5 tahun</td></tr> <tr> <td>Kadar Keuntungan</td><td>4.0% setahun <i>(kaedah pengiraan secara bulanan)</i></td></tr> <tr> <td>Harga Jualan Bank/ Jumlah Sewaan</td><td>RM1,104,991.20</td></tr> <tr> <td colspan="2">Secara keseluruhan anda akan membayar RM1,104,991.20 pada akhir 5 tahun.</td></tr> </tbody> </table> Nota: Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. Ilustrasi mungkin tidak menunjukkan keadaan atau tanggungjawab sebenar untuk setiap kemudahan.	Pembiayaan Berjangka	CMTF-i / Pembiayaan ITB	Jumlah/ Had Pembiayaan	RM1,000,000.00	Bayaran Bulanan/ Sewaan	RM18,416.52	Tempoh	5 tahun	Kadar Keuntungan	4.0% setahun <i>(kaedah pengiraan secara bulanan)</i>	Harga Jualan Bank/ Jumlah Sewaan	RM1,104,991.20	Secara keseluruhan anda akan membayar RM1,104,991.20 pada akhir 5 tahun.		ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB ANDA UNTUK: <table border="1" data-bbox="813 1323 1485 1671"> <tr> <td></td><td>Baca dan faham terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani.</td></tr> <tr> <td></td><td>Bayar ansuran bulanan/ jumlah penyelesaian anda tepat pada masanya mengikut terma pembiayaan anda. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.</td></tr> <tr> <td></td><td>Hubungi kami dengan segera jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.</td></tr> </table>		Baca dan faham terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani.		Bayar ansuran bulanan/ jumlah penyelesaian anda tepat pada masanya mengikut terma pembiayaan anda. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.		Hubungi kami dengan segera jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.
Pembiayaan Berjangka	CMTF-i / Pembiayaan ITB																				
Jumlah/ Had Pembiayaan	RM1,000,000.00																				
Bayaran Bulanan/ Sewaan	RM18,416.52																				
Tempoh	5 tahun																				
Kadar Keuntungan	4.0% setahun <i>(kaedah pengiraan secara bulanan)</i>																				
Harga Jualan Bank/ Jumlah Sewaan	RM1,104,991.20																				
Secara keseluruhan anda akan membayar RM1,104,991.20 pada akhir 5 tahun.																					
	Baca dan faham terma utama dalam kontrak sebelum anda menandatangani.																				
	Bayar ansuran bulanan/ jumlah penyelesaian anda tepat pada masanya mengikut terma pembiayaan anda. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan anda lebih awal.																				
	Hubungi kami dengan segera jika anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.																				

ANDA PERLU MEMBAYAR YURAN & CAJ BERIKUT

1. Duti Setem:

Seperti mana yang tertakluk di dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989).

2. Fi Guaman dan Pengeluaran:

Seperti yang dikenakan oleh peguamcara (jika berkenaan). Pelanggan tidak diwajibkan untuk menggunakan panel peguamcara SME Bank.

3. Fi Penilaian:

Seperti yang dikenakan oleh penilai (jika berkenaan).

4. Fi Dagangan:

Fi dagangan sebanyak RM10.00 untuk RM1,000,000.00 atau sebahagian daripadanya untuk setiap transaksi seperti yang dikenakan oleh platform dagangan komoditi (jika berkenaan).

5. Lain-lain Fi dan Caj:

Yuran jaminan yang dikenakan oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) atau Credit Guarantee Corporation (CGC) akan ditanggung oleh pihak anda.

Nota: Semua Fi dan Caj di atas adalah tertakluk kepada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sebanyak 8%, jika berkenaan, mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apa yang berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda?

- Anda membayar lebih banyak secara keseluruhan kerana caj pembayaran lewat.
- Kami boleh menyita aset anda atau mengambil tindakan undang-undang terhadap anda.
- Skor kredit anda mungkin terjejas, menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.

4 LAIN-LAIN TERMA UTAMA

- Tiada cagaran akan dikenakan, tetapi penjamin mungkin diperlukan. Kami akan memaklumkan anda sebelum menawarkan kemudahan pembiayaan.
- Perlindungan takaful terhadap semua risiko yang boleh diterima oleh Bank mungkin diperlukan untuk kemudahan perbankan anda.
- Adalah penting untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai pembiayaan anda, anda boleh:



Hubungi kami:
03-2603 7700



Layari laman sesawang kami:
www.smebank.com.my



Emel kami:
customercare@smebank.com.my



Imbas kod QR di atas